

Syarat2 Asean keterlaluan, kata Hayden



BILL HAYDEN

CANBERRA, Rabu — Menteri Luar, Bill Hayden hari ini menuduh Singapura tidak mahu bertolak ansur dan bersikap angkuh ketika hubungan dingin antara Australia dengan Asean mengenai masalah Kam-puchea meningkat.

Hayden memberitahu Parlimen bahawa Singapura sedang mengenakan tekanan ke atas Australia

dengan cuba mengadakan beberapa syarat dalam lawatan Perdana Menteri Australia, Bob Hawke ke Thailand minggu depan.

Hayden berkata, pertikaian antara Australia dengan Asean mengenai isu Kampuchea adalah kesilapan negara-negara Asean itu sendiri.

Kecaman Australia itu berlaku setelah para pegawai Singapura berkata semalam bahawa Australia sedang "berusaha untuk berlembut semata-mata untuk memuaskan hati Vietnam".

Hubungan antara Australia dan Asean mulai renggang sejak Hayden mengumumkan di Bangsa-Bangsa Bersatu bulan lalu bahawa Canberra akan mengundi tetapi tidak akan turut menyokong usul Asean yang mahukan tentera Vietnam berundur dari Kampuchea.

Hayden berkata, Asean memihak kepada para pejuang pembebasan Kampuchea termasuk Khmer Rouge yang didakwa bersikap kejam ketika memerintah duli.

Semalam, Hawke memberitahu beliau yakin ketegangan meng-

nal isu Kampuchea itu akan reda apabila beliau mengadakan lawatan ke Thailand minggu depan. Tetapi Hayden berkata, syarat-syarat yang dikenakan oleh Menteri Luar Singapura, Suphiah Dhanabalan tidak boleh diterima.

Dhanabalan dilaporkan sebagai berkata, Hawke harus memberikan pendiriannya mengenai soal Kampuchea, bersetuju tidak memberikan sebarang bantuan kepada Vietnam sehingga tenteranya berundur dari Kampuchea, terus membantu para pejuang pembebasan Kampuchea dan tidak menunjukkan sebarang sokongan kepada Vietnam.

Syarat

Australia lebih gemarkan isu Kampuchea diselesaikan secara politik.

Hayden berkata, "Dhanabalan mengemukakan secara terbuka syarat-syarat yang dikenakan dalam lawatan Hawke ke Bangkok. Nampaknya, beliau telah mengarahkan apa yang sepatutnya dilakukan oleh kerajanya Thailand sendiri".

Dhanabalan telah mewujudkan "beberapa syarat yang tidak boleh diterima bagi Perdana Menteri Australia", katanya.

Hayden berkata, Khmer Rouge telah "mengalihkan senjata" mereka ke arah sekutu-sekutu bukan Marksis. "Kenapa pula kita mesti berdiam diri mengenai maklumat seperti ini. Kami berdiri atas hati dan kedaulatan kami dalam membuat sebarang keputusan". — AP.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia